

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****DARIPADA : YB LIEW CHIN TONG (KLUANG)****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****SOALAN :**

**YB LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan garis masa pelaksanaan bagi setiap syor yang terdapat di Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal 2013 oleh SUHAKAM, dan mengapakah syor-syor tersebut masih belum dapat dilaksanakan sehingga hari ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM telah mencadangkan 18 syor dan 51 tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan, tetapi Jemaah Menteri pada 30 Jun 2015 hanya bersetuju dengan 17 syor dan 50 tindakan sahaja. 50 tindakan tersebut meliputi 26 tindakan jangka pendek, 21 tindakan jangka sederhana dan 3

tindakan jangka panjang. Syor-syor ini telah diselaraskan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli.

Selain daripada itu, Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) telah menghadiri beberapa sesi libat urus bersama komuniti Orang Asal di Sarawak, Sabah dan juga Orang Asli di Semenanjung Malaysia bagi memaklumkan tentang status pelaksanaan syor dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). JITN telah mengemaskini status pelaksanaan syor berdasarkan pada keputusan YAB Pengerusi kepada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Hak Tanah Orang Asli (JKKHTOA) yang bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli oleh semua negeri dilaksanakan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memberi jaminan pegangan kekal hak tanah kepada Orang Asli kecuali Negeri Kelantan yang kekal melaksanakan pewartaan tanah di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN). JITN sebagai penyelaras kepada pelaporan mengenai status pewartaan tanah telah menerima secara berkala, iaitu 3 bulan sekali jumlah pewartaan tanah oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Salah satu syor jangka panjang yang kini diberi keutamaan dan sedang dalam tindakan adalah berkenaan pelaksanaan kajian bagi konsep pegangan tanah adat Orang Asli yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) dijangka akan bermula pada pertengahan tahun

2018 ini dengan mengambil masa selama 24 bulan. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan ketetapan khusus bagi definisi tanah pegangan adat Orang Asli Semenanjung Malaysia agar isu berhubung pengiktirafan tanah pegangan adat tidak lagi dipertikai serta dapat diselesaikan melalui perundangan yang berkuatkuasa. Dengan adanya kajian ini, ia akan menutup kelompongan bagi ketiadaan peruntukan khusus mengenai pemilikan tanah oleh Orang Asli Semenanjung Malaysia dan mendapatkan definisi yang jelas tentang isu-isu berkaitan adat, tradisi dan amalan hidup masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pelaksanaan bagi syor-syor dalam Laporan Inkuiri Nasional ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan pihak JITN akan mengadakan mesyuarat JKKHTOA untuk kali kedua pada bulan April 2018. Dalam mesyuarat tersebut, status bagi pelaksanaan syor akan dimaklumkan kepada YAB Pengerusi dan ini melibatkan maklum balas daripada semua Kerajaan Negeri dan JITN akan memaklumkan status-status tersebut kepada pihak SUHAKAM dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

61

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN : 224**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kenapa amaran awal tidak diberikan kepada Pulau Pinang berhubung kejadian yang berlaku pada 4 November 2017. Jelaskan teknologi yang digunakan untuk meramal cuaca dalam negara, kos perbelanjaan dan apa penambahbaikan yang telah diambil ekoran bencana terburuk berkenaan. Apakah bantuan teknologi dan kewangan yang diterima oleh negara asing.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengeluarkan **Amaran Cuaca Buruk (Peringkat Kuning)** pada **1 November 2017 jam 12.18** tengah hari melibatkan negeri Perlis, Kedah, **Pulau Pinang**, Perak, Kelantan dan Terengganu. Kejadian cuaca buruk di Pulau Pinang berlaku pada 4 dan 5 November 2017 yang mana amaran telah dikeluarkan pada 1 November iaitu **3 hari lebih awal** dari kejadian cuaca buruk tersebut.

**Amaran Cuaca Buruk ini telah dihebahkan kepada Jabatan Kerajaan Negeri serta agensi-agensi pengurusan bencana negeri**

melalui **SMS, faks dan aplikasi *WhatsApp*** pada tarikh-tarikh yang dinyatakan. Manakala penyebaran amaran cuaca kepada orang awam adalah melalui **laman web: [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), siaran radio, siaran langsung televisyen (TV) dua kali sehari, **Crawler TV**, media sosial (facebook:malaysiamet, twitter:@malaysianmet dan aplikasi *Whatsapp*) dan **MetMalaysia Hotline** di talian 1 300 22 1MET(1638).**

Apabila keadaan cuaca dijangka bertambah buruk, Amaran Cuaca Buruk ini telah dinaiktaraf kepada **Peringkat Jingga** (hujan dijangka mencapai tahap hujan lebat berterusan) **pada 4 November 2017 jam 6.10 petang** bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Namun menjelang awal malamnya keadaan cuaca dijangka menjadi lebih buruk dan Amaran Cuaca Buruk (Peringkat Jingga) dinaiktaraf kepada **Peringkat Merah** (hujan dijangka mencapai tahap hujan lebat berterusan dengan jumlah hujan melebihi 240 mm/hari) **pada 4 November 2017 jam 9.30 malam** bagi negeri Kedah dan Pulau Pinang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam proses meramal cuaca, MetMalaysia menggunakan Model Ramalan Cuaca Numerikal (*Numerical Weather Predictio*,NWP). MetMalaysia telah meningkatkan keupayaan Model NWP dengan mengadaptasi teknologi *Sistem High Performance Computing* (HPC) dengan peruntukan sekitar RM44.6 juta mulai pertengahan tahun 2017 bagi memperkasakan sistem amaran awal cuaca sedia ada. Sistem HPC ini berupaya untuk mengeluarkan tempoh masa ramalan sehingga 7 hari berbanding 3 hari dan meningkatkan resolusi model cuaca kepada 1 kilometer berbanding 4 kilometer sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam proses meramal cuaca, MetMalaysia turut menggunakan imej satelit cuaca dari Jepun iaitu Satelit Himawari yang berupaya memberikan imej untuk setiap 10 minit. Di samping itu, MetMalaysia juga menggunakan satelit dari China iaitu Satelit Feng-Yun yang menghasilkan imej setiap 1 jam dan Satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration* (NOAA) dari Amerika Syarikat setiap 12 jam sebagai sokongan kepada Satelit Himawari. Selain itu, MetMalaysia juga menggunakan radar meteorologi dalam meramalkan keadaan cuaca. Pada masa ini, MetMalaysia dilengkapi dengan 12 buah radar meteorologi di seluruh Malaysia.

MetMalaysia telah membuat penambahbaikan Peringkat Amaran Cuaca dengan menyesuaikan peringkat-peringkat amaran iaitu Kuning, Jingga dan Merah masing-masing kepada Waspada, Buruk dan Bahaya. Dari aspek hebahan cuaca pula, kekerapan menyampaikan amaran cuaca melalui siaran di saluran TV1 ditingkatkan apabila Amaran Hujan Lebat Berterusan dikeluarkan oleh MetMalaysia.

Pada masa kini, teknologi yang digunapakai oleh MetMalaysia dalam penyediaan ramalan cuaca diadaptasi daripada pelbagai negara maju seperti *United States of America*, *United Kingdom* dan Jepun yang diiktiraf oleh *World Meteorological Organization* (WMO). MetMalaysia juga menerima bantuan kepakaran teknikal daripada negara-negara tersebut melalui penganjuran kursus/seminar/latihan. Walau bagaimanapun, MetMalaysia tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada negara luar dalam mendapatkan teknologi tersebut.

Sekian, terima kasih.